

PERSIDANGAN BICENTENNIAL SINGAPURA

S'pura perlu sesuai diri dalam saingan kuasa besar untuk maju: Pakar



— Foto BH oleh DESMOND WEE

“... mencari cara untuk makmur apabila dunia di sekeliling anda menuntut anda agar berpihak. Perkara yang terbaik adalah dengan bersikap fleksibel, memahami apa yang berlaku di dunia, dan berusaha bagaimana untuk bekerjasama dengan mereka yang berada dalam kedudukan serupa dengan anda.”

— Pakar sejarah sejagat dari Universiti Oxford, Profesor Peter Frankopan, mengenai cara Singapura harus tangani ketegangan Amerika Syarikat-China serta peranan dan pendekatan Asean.

SEJARAH merupakan satu “urusan berdarah” dan Singapura perlu menyesuaikan dirinya dengan persaingan kuasa besar atau mengalami akibatnya, kata pakar.

Bercakap di sesi panel mengenai *Peperangan dan Kekayaan* di Persidangan Bicentennial Singapura kelmarin, pakar sejarah sejagat dari Universiti Oxford, Profesor Peter Frankopan, berkata kuasa maritim melihat perdagangan bebas menerusi lensa kepentingan diri sendiri seawal 1819 apabila Sir Stamford Raffles menubuhkan kota perdagangan British baru di Singapura.

Apa yang Raffles mahukan adalah kelebihan bagi pedagang British, sementara Belanda pula mentafsirkan kebebasan laut sebagai sesuatu yang membawa manfaat, katanya.

Singapura memanfaatkan dinamik persaingan ini untuk berjaya.

“Ketibaan Britain telah memaksa Belanda keluar dari rantau ini, sepertimana Belanda memak-

sa Portugis keluar sebelum itu,” kata beliau lapor *The Straits Times*.

Hari ini, terdapat ketegangan serupa antara Amerika Syarikat dengan China dalam rantau Indo-Pasifik.

“Bahasanya semakin kuat di bawah pentadbiran Trump bahawa China cuba mengubah perintah sejagat dan malah menggantikan Amerika,” kata beliau.

“Namun jika (seperti Singapura) anda dapat menyesuaikan diri dan meletakkan kedudukan anda dalam dunia yang sedang berubah, anda boleh meraih manfaatnya.

“Jika tidak, anda mengalami akibatnya,” tambah beliau.

Persidangan dua hari di Pusat Konvensyen Raffles City itu dianjurkan Institut Pengajian Dasar (IPS) untuk memperingati 200 tahun sejarah Singapura sejak kedatangan Raffles.

Sesi panel itu turut disertai moderator, Dekan

Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew (LKYSPP), Profesor Danny Quah.

Ahli panel dan profesor madya sejarah di Universiti Nasional Singapura (NUS), Peter Borschberg, bersetuju bahawa Singapura sentiasa berada dalam ruang geopolitik yang dipertikaikan.

Misalnya, negara ini dahulu sebuah pangkalan tentera laut Melaka, penjaga pintu kepada bandar sepanjang Sungai Johor dan tempat pertemuan bagi armada Portugis dan Sepanyol dalam era 1500-an dan 1600-an.

Meskipun negara ini tidak lagi berada di bawah kuasa penjajah, masih terdapat persaingan bagi mengawal Selat Melaka, tambahnya.

“Keselamatan sebelum 1819 dijaga berbilang kuasa dan disebabkan itu, ia tidak kukuh. Dan Singapura mungkin kembali seperti itu semula pada satu hari.

“Ia merupakan siri ciptaan semula atau pembaharuan penempatan dengan fungsi berbeza, dan (apa ertinya bagi masa depan) ia sesuatu yang perlu kita fikirkan,” kata beliau.

Menjawab soalan tentang bagaimana Singapura harus memikirkan tentang inisiatif Belt and Road China dan menangani ketegangan antara Amerika dengan China, Profesor Frankopan berkata pembentukan Asean pada 1967 menunjukkan bagaimana rantau ini boleh mengambil pendekatan berkecuali, atau tidak berpihak, dalam persaingan kuasa besar, dan “mencari cara untuk makmur apabila dunia di sekeliling anda menuntut anda agar berpihak”.

“Perkara yang terbaik adalah dengan bersikap fleksibel, memahami apa yang berlaku di dunia, dan berusaha bagaimana untuk bekerjasama dengan mereka yang berada dalam kedudukan serupa dengan anda,” kata beliau.

PERSIDANGAN BICENTENNIAL SINGAPURA

DPM Heng: Genting pupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat

MEMUPUK semangat perpaduan antara rakyat adalah usaha genting dalam membentuk masa depan yang cerah bagi Singapura.

Rakyat juga perlu bekerjasama antara satu sama lain dan dengan masyarakat lebih luas di dunia, kata Timbalan Perdana Menteri Heng Swee Keat.

“Semangat perpaduan dalam negara kita genting – perasaan bahawa kita semua warga Singapura dan ingin Singapura maju.

“Bagaimanakah kita mengekalkan semangat ini? Itulah soalan penting (yang perlu diuraikan),” ujar Encik Heng, yang berkata sejarah menunjukkan bahawa negara berpecah belah apabila rakyatnya tidak bersatu padu.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan tentang jatuh bangun sesebuah negara dan bagaimana Singapura boleh terus kekal di dunia – yang diajukan Duta Kelana Profesor Chan Heng Chee – pada dialog Persidangan Bicentennial Singapura kelmarin.

Profesor Chan, yang juga pengerusi Pusat Lee Kuan Yew bagi Bandar Inovatif di Universiti Teknologi dan Desain Singapura (SUTD), mengajukan soalan itu dalam sesi dialog pada hari pertama persidangan yang dianjurkan oleh Institut Pengajian Dasar (IPS).

Persidangan itu, yang berakhir semalam, bertujuan meneroka bagaimana sejarah boleh menjadi sumber penting bagi Singapura menghadapi cabaran dunia yang pesat berubah.

Menurut Encik Heng, cabaran genting bagi Singapura ialah cara negara ini terus menjadi berguna dan relevan kepada dunia lebih luas.

“Jika kita tidak lagi boleh memberi sumbangan kepada dunia, tiada sesiapa akan peduli tentang kewujudan berterusan kita atau kejayaan kita,” ujarnya yang juga menekankan peri pentingnya menjalin hubungan kukuh antara rakyat dengan dunia lebih luas.



KONGSI PENGALAMAN: Timbalan Perdana Menteri Heng Swee Keat bergurau dengan pengerusi dialog, Duta Kelana Profesor Chan Heng Chee, pada Persidangan Bicentennial Singapura kelmarin. Dalam dialog itu, DPM Heng menekankan peri pentingnya Singapura memupuk perpaduan antara rakyat demi membentuk masa depan yang cerah bagi negara. – Foto BH oleh DESMOND WEE

“Jika kita hilang rasa perpaduan antara rakyat atau dengan dunia, kita berada dalam keadaan yang buruk,” katanya.

“Namun, jika kita memiliki tujuan dan semangat kemasyarakatan... saya rasa kita boleh menangani pelbagai cabaran yang ada.”

Encik Heng turut menekankan kesan perubahan iklim dan penularan penyakit yang boleh menjejaskan masa depan Singapura.

Dalam pada itu, beliau juga menjawab pelbagai soalan mengenai tajuk berbeza yang diajukan peserta persidangan. Ini termasuk tentang cabaran ketidaksaksamaan, hubungan dagang yang tegang antara China dengan Amerika Syarikat dan bagaimana ia menjejaskan Singapura dan bagaimana Singapura boleh terus bersaing dengan negara jiran yang terus maju.

Seorang mahasiswa SUTD bertanya tentang pendirian Singapura tentang hubungan dagang yang tegang antara Amerika-China.

Encik Heng berkata hubungan tegang antara kedua-dua negara itu kini melebihi defisit dan lebih perdagangan dan kini melibatkan peralihan teknologi dan persaingan jangka panjang tentang nilai dan sistem pentadbiran.

“Apa yang boleh Singapura lakukan? Kita hanya mampu bekerjasama dengan negara yang bersependapat... ada banyak negara menarik di dunia yang berkongsi pandangan kita. Kita berharap menjadi suara yang munasabah,” ujar Encik Heng.

Memberi pandangannya tentang projek Inisiatif Belt & Road (BRI) China yang bertujuan membina prasarana bagi menghubungkan pusat dagang serata dunia, Encik Heng berkata ia projek yang baik dan Singapura bersedia menyokong sebarang projek yang dilakukan secara munasabah dan dengan matlamat ekonomi yang baik.

Ini termasuk projek yang dimulakan oleh entiti dan negara lain seperti Bank Dunia dan Jepun.

Jawatankuasa semak sempadan pilihan raya bergerak bebas, tidak didorong politik

JAWATANKUASA yang menyemak sempadan pilihan raya melakukan tugas secara bebas dan tidak didorong oleh politik, kata Timbalan Perdana Menteri Heng Swee Keat.

Sempadan pilihan raya perlu disemak dengan cara meneliti perubahan kependudukan, demografik dan lain-lain lagi, dan ini memerlukan pandangan pakar bebas, kata Encik Heng.

Beliau, yang juga Menteri Kewangan, berkata demikian semasa menjawab soalan Profesor Paul Tambyah daripada Sekolah Perubatan Yong Loo Lin, Universiti Nasional Singapura, dalam Persidangan Bicentennial Singapura kelmarin.

Profesor Tambyah, yang juga pengerusi Parti Demokratik Singapura (SDP), bertanya kepada Encik Heng adakah terdapat “sebab baik” Jawatankuasa Semakan Sempadan Pilihan Raya (EBRC) tidak keseluruhannya bebas daripada bidang kuasa Pejabat Perdana Menteri (PMO), lapor *The Straits Times*.

“Sempadan pilihan raya pada masa ini diputuskan oleh pegawai awam bebas, tetapi mereka menyerahkan laporan kepada pegawai daripada PMO,” kata beliau.

Menjawab, Encik Heng berkata:

“Sebagaimana yang anda sendiri katakan, mereka (bertindak) bebas.

“Jadi, jika anda lihat apa yang telah mereka lakukan, di kawasan undi, Potong Pasir kekal di tempat yang sama, Hougang juga kekal di tempat dahulu dan Aljunied, pada pilihan raya yang lalu, juga kekal seperti biasa.”

Kawasan undi Perseorangan (SMC) Potong Pasir sebelum ini diwakili pembangkang, di bawah Encik Chiam See Tong, sementara SMC Hougang dan Aljunied GRC masing-masing diwakili Parti Pekerja (WP).

“Jadi, saya harap anda tidak ragu tentang sifat bebas jawatankuasa itu... mereka melakukan apa yang sewajarnya,” kata Encik Heng, yang dijangka mengambil alih kepimpinan parti pemerintah, Parti Tindakan Rakyat (PAP), dan bakal menjadi perdana menteri selanjutnya.

Encik Heng juga berkata memandangkan perubahan yang sedang berlaku di estet perumahan baru, beliau berasa senang hati ada pegawai awam yang bergerak bebas dan boleh bekerja secara bebas, dan antara lain “memberi kami nasihat tentang apa aturan terbaik”.

Profesor Tambyah berkata:

“Mereka masih membuat laporan kepada Perdana Menteri.”

Menjawab, Encik Heng berkata:

“Jika anda berkata mereka didorong politik (apabila menjalankan tugas)... tapi anda sendiri berkata mereka bebas!”

Pertukaran pendapat itu berlaku dalam sesi dialog dengan Encik Heng di Raffles City Convention Centre, yang dipengerusikan oleh Duta Kelana Profesor Chan Heng Chee.

Jabatan Pilihan Raya, pada 4 September lalu mengumumkan pembentukan EBRC. Ini merupakan langkah rasmi pertama ke arah pilihan raya umum, yang perlu diadakan menjelang April 2021.